

# Kerajaan, persatuan tawar harga simen berpatutan

Inisiatif bantu B40, M40 dengan pengurangan harga rumah mampu milik sehingga RM5,000

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim dan Irwan Shafrizan Ismail  
bhnews@bh.com.my

**Putrajaya:** Kerajaan dengan kerjasama Persatuan Simen dan Konkrit Malaysia (C&CA) serta pemaju perumahan swasta akan menawarkan harga simen pada kadar berpatutan.

Ia akan memanfaatkan pemaju rumah mampu milik, sekali gus pembeli dalam kalangan golongan berpendapatan 48 peratus terendah (B40) dan berpendapatan 40 peratus sederhana (M40) yang mahu memiliki rumah sendiri.

Perkara itu diumumkan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim pada satu sidang media, di sini semalam yang turut dihadiri Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, Datuk Seri Salahuddin Ayub dan Menteri Pembangunan Kerajaan



Anwar membuat perutusan khas bersempena sambutan Aidilfitri yang turut dihadiri Salahuddin dan Kor Ming di bangunan Perdana Putra, Putrajaya, semalam. (Foto Aizzuddin Saad/BH)

Tempatan, Nga Kor Ming.

Katanya, Kerajaan Perpaduan sentiasa memberi keutamaan berhubung penyediaan rumah mampu milik untuk rakyat dan ikhtiar terbaru itu menumpukan kepada kategori rumah mampu milik berharga RM300,000 ke bawah.

"Ikhtiar ini akan memanfaatkan golongan B40 dan M40 dengan pengurangan harga rumah maksimum sehingga RM5,000 mengikut jenis dan harga.

"Mengambil kira pengurangan harga simen ini berbanding harga pasaran, ia membabitkan jumlah keseluruhan sebanyak RM120 juta insentif swasta yang

telah diberikan oleh pembekal simen kepada pembeli rumah melalui pemaju perumahan.

"Insentif swasta ini dijangka mencukupi untuk pembinaan rumah mampu milik sehingga 24,000 unit," kata Perdana Menteri.

Dalam pada itu, Anwar berkata, kerajaan Persekutuan akan menambah peruntukan sebanyak RM250 juta lagi untuk penyelenggaraan Jalan Persekutuan dengan kerja terbabit akan diagihkan khusus untuk manfaat kontraktor kecil Bumiputera.

"Maka dengan itu, peruntukan penyelenggaraan berkala pavement Jalan Persekutuan sebanyak RM750 juta yang diumumkan dalam Belanjawan 2023 akan meningkat kepada RM1 bilion," katanya.

Beliau berkata, kerajaan amat memahami kepentingan dan keperluan penyelenggaraan berkala di Jalan Persekutuan supaya laluan berkenaan sentiasa selamat dan selesa untuk kegunaan rakyat.

"Ini khususnya membabitkan masalah jalan raya berlubang sebagai antara penyumbang kepada kes kemalangan jalan raya," katanya.